

D. AQAD DAN KEBENARAN / DECLARATION AND AUTHORIZATION

Saya / Kami dengan ini mengaku bahawa semua pernyataan di atas dan dokumen yang disertakan berhubung dengan permohonan ini adalah lengkap dan benar sepanjang pengetahuan dan kepercayaan Saya / Kami. Saya / Kami bersetuju bahawa segala pernyataan dan akuan yang terkandung dalam borang permohonan ini akan menjadi asas kepada Sijil Takaful antara Saya / Kami dan Takaful Ikhlas Berhad (selepas ini dirujuk sebagai "pihak Syarikat") dan ianya disifatkan sebagai termaktub dan menjadi pelengkap Sijil. / I / We hereby agree that all statements made above and other documents submitted in connection with this application are complete and true to the best of My / Our knowledge and belief. I / We agree that this declaration and all statements made above shall form the basis of the Takaful Certificate between Me / Us and Takaful Ikhlas Berhad (herein referred as "the Company") and they are deemed to be incorporated as an integral part of the Certificate.

Saya / Kami bersetuju melantik pihak Syarikat sebagai wakil (ejen) untuk menguruskan Sumbangan Am Saya / Kami yang mengikut prinsip Syariah seperti yang tercatat dalam Sijil untuk tujuan perniagaan Takaful sebagaimana yang dibenarkan oleh Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013. Sebagai balasan, Saya / Kami bersetuju membenarkan pihak Syarikat untuk menolak sejumlah peratusan daripada Sumbangan tersebut sebagai Yuran Wakalah (Yuran Wakalah diterangkan di dalam Sijil). Lanjutan daripada itu, Saya / Kami juga bersetuju bahawa baki daripada Sumbangan Saya / Kami akan disalurkan ke dalam Dana Risiko berdasarkan Tabarru' (derma) untuk membantu semua Peserta yang ditimpa musibah dan baki yang masih ada di dalam Dana Risiko berkenaan akan dilaburkan oleh pihak Syarikat. Sebarang keuntungan daripada pelaburan tersebut, jika ada, akan dimasukkan semula ke dalam Dana Risiko. Saya / Kami juga bersetuju membenarkan pihak Syarikat menolak Caj Pengurusan Lebihan (SAC) 50% daripada lebihan boleh-agih kasar dari Dana Risiko pada setiap tahun. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat boleh, mengikut budi bicara dan di mana bersesuaian, mengenakan caj kurang daripada 50% daripada lebihan boleh-agih kasar sebagai SAC. Sebarang lebihan boleh-agih bersih (selepas ditolak SAC) dari Dana Risiko akan diperuntukkan sepenuhnya (100%) kepada Peserta Takaful. Setelah tamat tempoh Sijil Takaful, sekiranya jumlah yang perlu dibayar kepada Peserta Takaful kurang dari RM10, jumlah tersebut akan terus disimpan di dalam Dana Risiko atau didermakan kepada badan amal bagi pihak Peserta Takaful sebagai amalan baik. Had serta kaedah dan tempoh penyelesaian pengagihan lebihan adalah seperti yang ditakrifkan di dalam Polisi Pengagihan Lebihan. / I / We agree to appoint the Company as My / Our wakil (agent) to manage My / Our General Contribution in accordance to Shariah principles as stated in the Certificate for the purpose of carrying Takaful Business allowed by Islamic Financial Services Act 2013. In return, I / We agree to allow the Company to deduct a certain percentage from the Contribution as Wakalah Fee (The Wakalah Fee is mentioned in the Certificate). I / We further agree that the balance of My / Our Contribution shall be allocated into the Risk Fund on a Tabarru' (donation) basis and be used to help all Participants in times of misfortune and the remaining balance in the Risk Fund shall be invested by the Company. Any profit arising out of this investment, if any, shall be allocated to the Risk Fund. I / We agree to allow the Company to deduct a Surplus Administration Charge (SAC) of 50% from any gross distributable surplus arising from the Risk Fund. However, the Company may at its discretion and where appropriate charge less than 50% from gross distributable surplus as SAC. Any net distributable surplus arising (after deducting SAC) from the Risk Fund will be allocated in full (100%) to the Takaful Participant. Upon Takaful Certificate expiry, if the amount due to Takaful Participants is less than RM10, the amount shall either be retained in the Risk Fund or donated to charity on behalf of the Takaful participants as an act of good deed. The threshold, method and time of settlement of the surplus distribution shall be defined in the Surplus Management Policy.

(Untuk maklumat lengkap, sila rujuk kepada Sijil Takaful yang berkenaan). / (For further details, please refer to the respective Takaful Certificates).

PENGISYTIHARAN / DECLARATION

1. SAYA DENGAN INI MENGAKU bahawa saya telah meneliti borang cadangan ini dan telah berhati-hati dalam memberikan maklumat atau seumpunya dan jawapan yang dinyatakan adalah kepunyaan saya. SAYA DENGAN INI MENGISYTIHARKAN bagi pihak diri saya, Orang Yang Dilindungi dan lain-lain orang yang mempunyai atau menuntut apa-apa kepentingan di dalam Sijil ini, setiap dari jawapan di atas adalah dinyatakan dengan betul, tepat dan benar sama ada ditulis oleh saya atau bagi pihak saya dan tiada maklumat yang disembunyikan dan SAYA BERSETUJU bahawa dengan persetujuan ini dan atau apa jawapan yang mungkin akan atau telah dibuat kepada pengamal perubatan akan menjadi asas untuk penguatkuasaan semula, pindaan atau perubahan Sijil Takaful antara saya, Orang Yang Dilindungi dan pihak Syarikat. Dengan ini adalah dipersetujui bahawa jika terdapat salah nyataan di pihak saya, pihak Syarikat boleh membatalkan Sijil (jika dikeluarkan) atau terma yang berbeza akan terpakai bagi Sijil (jika dikeluarkan) bergantung kepada jenis salah nyataan. / I HEREBY DECLARE that I have read the application and exercised reasonable care when providing the information and the answers entered in the application are mine. I HEREBY CERTIFY on behalf of myself, the Person Covered, and of any person who may have or claim any interest in

the Certificate, each of the above answers to be fully complete, accurate and true whether written by me or on my behalf and that no information has been withheld and I AGREE that they shall, with the following agreements and or made to the medical examiner shall be basis of the reinstated, altered or varied Certificate between myself, the Person Covered and the Company. It is expressly agreed that if there is a misrepresentation of my part, the Company may void the Certificate (if issued) or different terms may be applicable to the Certificate (if issued) depending on the type of misrepresentation.

2. SAYA SETERUSNYA BERSETUJU bahawa apa-apa penguatkuasaan semula, pindaan atau perubahan tidak akan berkuat kuasa walau pun bayaran dibuat untuk tujuan tersebut, sehingga perkara tersebut telah diluluskan oleh pihak Syarikat, dan di dalam kes penguatkuasaan semula, ianya akan berkuat kuasa dari tarikh penguatkuasaan semula. SAYA JUGA BERSETUJU bahawa peruntukan penyembunyian fakta-fakta material akan berkuat kuasa dari tarikh penguatkuasaan semula. / I FURTHER AGREE that any reinstatement, alteration or variation shall not take effect irrespective of any money(s) paid pursuant thereto, until the same have been approved by the Company, and in the case of reinstatement, it shall have effect from such reinstatement date. I ALSO AGREE that non-disclosure of material facts provision shall have effect from the reinstatement date.
3. SAYA SETERUSNYA MENGAKU dalam mengisi, melengkapkan atau menjawab soalan-soalan berikut di dalam borang cadangan ini:
- a. Saya memahami sepenuhnya soalan dan/atau soalan telah diterangkan secara jelas oleh pihak ejen;
 - b. Saya telah memberikan pihak Syarikat atau ejen tiada maklumat lain selain dalam bentuk bertulis dan semua jawapan di dalamnya adalah milik saya sendiri;
 - c. Saya bersetuju untuk membayar pihak Syarikat semua perbelanjaan perubatan yang dikenakan dan tidak akan meletakkan liabiliti ke atas pihak Syarikat sehingga sumbangan yang pertama dibayar sepenuhnya dan Sijil dikeluarkan. Saya seterusnya bersetuju bahawa sebelum pengeluaran Sijil sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam keadaan kesihatan dan situasi Orang Yang Dilindungi/ Peserta di antara tarikh borang ini dan pengeluaran Sijil mestilah disampaikan secara bertulis kepada pihak Syarikat.

I FURTHER DECLARE that in filling up, completing or answering the questions in this proposal form:

- a. I fully understood the questions and/or the questions have been explained to me clearly by your agent;
- b. I have given the Company or it's agent no other information except that which is in written form and all the answers therein are my own;
- c. I agree to pay the Company all medical expenses incurred and there shall be no liability upon the Company until the first contribution is paid in full and the Certificate is issued. I further agree that prior to the issuance of the Certificate should there be any changes in the state of health and circumstances of the Person Covered/ Participant between the date of this form and issuance of the Certificate must be communicated in writing to the Company.

4. Saya DENGAN INI BERSETUJU DAN MEMBENARKAN pihak Syarikat untuk menggunakan data peribadi saya bagi tujuan proses operasi Takaful seperti yang dinyatakan di dalam Notis Privasi Syarikat di laman sesawangnya [www.takaful-ikhlas.com.my] yang mungkin termasuk pemindahan data dan maklumat peribadi, di dalam atau di luar Malaysia, ke Syarikat, syarikat gabungan, syarikat berkait, anak syarikat dan/atau syarikat pemegangan, rakan khidmat luaran, pengendali takaful semula, penanggung insuran semula, peguamcara dan kepada mana-mana badan kawal selia atau pihak berkuasa cukai asing yang berkaitan, termasuk untuk obligasi pelaporan Syarikat. Saya boleh menarik balik kebenaran ini pada bila-bila masa dengan memaklumkan Syarikat secara bertulis./ I HEREBY AGREE AND CONSENT that the Company may use my personal information for the purpose of the Takaful operational process as prescribed in the Company's Privacy Notice in its official website [www.takaful-ikhlas.com.my] which may include transfer of data and personal information, within or outside Malaysia, to the Company, its affiliates, related companies, subsidiaries and / or its holding company, outsourcing partners, retakaful operator or reinsurer, solicitors, outsourcing partners and to any regulatory bodies, or any relevant foreign tax authority, including any reporting obligations by the Company. I can withdraw this permission at any time by notifying the Company in writing.

SAYA SELANJUTNYA BERSETUJU bahawa pihak Syarikat dan syarikat gabungan, syarikat berkait, anak syarikat, syarikat pemegangan, rakan perniagaan dan pihak ketiga (di dalam dan di luar Malaysia) boleh menggunakan data dan maklumat peribadi saya bagi tujuan mempromosi produk, perkhidmatan baru dan keperluan sokongan; dan kempen

pemasaran dan aktiviti transaksi perdagangan. /I FURTHER AGREE that the Company and its affiliates, related companies, subsidiaries, holding company, business partners and any third party (within or outside Malaysia) can share and use my data and personal information for the purpose of promoting its related affiliates, companies', subsidiaries', holding company's, business partners' and any third party products, new services and support requirements; and marketing campaigns and commercial transaction activities.

Bahagian Pengecualian / Opt-Out Section

☐ Tandakan (“v”) di kotak ini sekiranya anda tidak mahu pihak Syarikat untuk menggunakan data peribadi anda bagi menerima maklumat produk, perkhidmatan dan maklumat pemasaran seperti yang dinyatakan di atas./ Tick (“v”) this box if you do not wish the Company to use your personal data to receive information on products, services and marketing information as abovementioned.

5. SAYA DENGAN INI BERSETUJU sekiranya pihak Syarikat mengetahui atau menemui atau mempunyai kecurigaan yang berasas bahawa perlindungan takaful ini mungkin dieksploitasi untuk aktiviti pengubahan wang haram atau untuk membiayai keganasan, atau jika sebarang arahan / permintaan yang diterima akan melanggar mana-mana sekatan / undang-undang, pihak Syarikat mempunyai hak untuk menolak sebarang arahan / permintaan yang diberikan oleh saya atau menamatkan perlindungan takaful ini dengan serta-merta sama ada dengan atau tanpa memberi notis kepada saya. Pihak Syarikat juga akan menguruskan semua sumbangan yang telah dibayar dan semua manfaat / jumlah yang perlu dibayar berkenaan perlindungan takaful ini melalui apa cara yang disifatkan oleh pihak Syarikat sebagai bersesuaian, termasuk tetapi tidak terhad dengan memaklumkan dan menyerahkannya kepada pihak berkuasa yang berkaitan. SAYA BERSETUJU untuk melepaskan pihak Syarikat dari sebarang dakwaan di bawah sivil atau jenayah ke atas sebarang tindakan oleh pihak Syarikat. / I HEREBY AGREE in the event that the Company has knowledge or discovers or has justified suspicions that this takaful coverage maybe exploited for money laundering activities or to finance terrorism, or if any instruction / request given may lead to a breach of any sanction / law, the Company reserves the right to refuse any instruction / request given by me or to terminate this takaful coverage immediately either with or without notice sent to me. The Company shall deal with all contributions paid and all benefits / sums payable in respect of this takaful coverage in any manner which the Company deem appropriate, including but not limited to informing and handing it over to the relevant authorities. I AGREE to release and keep the Company harmless from any suit under civil or criminal as a result of such act by the Company.
6. Saya SETUJU bahawa sebarang sumbangan, yuran dan wang lain yang dibayar dibawah Sijil ini tertakluk kepada cukai, levi atau caj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa di Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. / I AGREE that any contributions, fees and/or monies payable under this Certificate are subject to any taxes, levies or charges imposed by the relevant authorities in Malaysia unless otherwise stated.

Tandatangan Pencadang
Signature of Proposer

Tarikh / Date

Agree

Decline